

## Shakir gagal menang semua perlawanan

Berita Harian, 16 November 2013, Page 29

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

### Shakir gagal menang semua perlawanan

Pesilat lain tunjuk  
geraf kemajuan dan  
potensi  
masing-masing

#### PERTANDINGAN PERSAHABATAN SILAT DI MALAYSIA

JUARA silat dunia, Shakir Juanda, gagal memenangi kesemua empat perlawanan ujian di Malaysia.

Shakir yang menggondol kejuaraan dunia dalam Kejohanan Sedunia di Thailand pada tahun lalu, hanya memenangi tiga daripada empat perlawanannya.

Shakir yang baru-baru ini telah menjuarai Kejohanan Pencak Silat Belanda, tewas 1-2 di tangan pesilat Selangor.

Bagaimanapun, Nur Alfian Jamean, yang juga menggondol pingat emas dalam Kejohanan Belanda, telah memenangi kesemua empat perlawanannya.

Dua lagi pesilat yang memenangi kesemua perlawanan masing-masing ialah Rudi Hermawan Zahri dan pesilat tunggal wanita, Nurul Suhaila Mohamed Saiful.

Kedua-dua pesilat ini telah memenangi kesemua lima perlawanan masing-masing.

Sebagai sebahagian daripada persiapan Singapura untuk menghadapi Sukan SEA Myanmar, Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telah mengatur perlawanan ujian di Malaysia yang melibatkan pertemuan dengan pasukan negeri Terengganu, Pahang, Selangor dan Gayong Patani.

Mengulas tentang kekalahan Shakir yang menjadi harapan negara dalam Sukan SEA Myanmar nanti, ketua pegawai eksekutif Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob, berkata:

"Kami telah dimaklumkan ketua jurulatih Hidayat Hosni bahawa Shakir seperti mengambil mudah perlawanan terakhir dalam lawatan ini.

"Beliau tidak bertanding seperti bi-

asa dan akibatnya menerima padahnya.

"Saya harap kekalahan ini akan menjadi pengajaran kepada Shakir tidak meremehkan sebarang seterunya.

"Pesilat seperti Shakir perlu mengasak dan jangan menunggu lawannya mengasaknya. Sebab, gerakan tindak balas Shakir agak lambat," kata Sheik secara terang.

Menjelaskan kekealahannya itu, Shakir mengakui beliau agak relaks dalam perlawanan itu.

"Tetapi dalam pada itu, saya juga sedang mencuba beberapa teknik baru agar boleh digunakan ke Sukan SEA nanti," beliau memberitahu.

Dalam laporan mengenai ujian ini, Hidayat berkata program ujian ini telah berjalan dengan baik kecuali jadal perlawanan di Kuala Lumpur.

► YUSOFF A. RAHMAN yusoff@ssph.com.sg

Menurutnya, perlawanan dengan pesilat dari Kuala Lumpur terpaksa dibatalkan kerana setiausaha persekutuan itu telah dimasukkan ke hospital.

Bagaimanapun, rombongan Singapura berjaya mendapatkan pasukan pengganti dengan menentang Gayong Fatani.

"Tiada satu pun pesilat kami mengalami kecederaan. Para pesilat menunjukkan disiplin dan kerjasama yang erat," kata Hidayat dalam laporannya kepada Persisi.

Menurutnya, pesilat yang memikat perhatiannya ialah Rudi Hermawan.

"Beliau bukan sahaja menurut arahan jurulatih bahkan menunjukkan kemajuan menggalakkan," beliau menambah.


Tetapi, ujarnya, pesilat yang menunjukkan geraf kemajuan ialah Sheik Ferdous dan Muhammad Ridhwan.

"Ferdous lebih berani untuk menyerang dan berjaya mengatasi segala kegugupannya.

"Ridhwan pula beraksi mengikuti potensinya. Kami juga membantunya mengawal sikapnya dalam perlawanan," kata bekas juara dunia itu.

"Saya harap kekalahan ini akan menjadi pengajaran kepada Shakir tidak meremehkan sebarang seterunya. Pesilat seperti Shakir perlu mengasak dan jangan menunggu lawannya mengasaknya. Sebab, gerakan tindak balas Shakir agak lambat."

- Ketua jurulatih Hidayat Hosni.



**KAD LAPORAN**  
 1. Sheik Ferdous Sheik Alauddin Yacoob,  
 2. Rudi Hermawan Zahri, 3. Ridhwan Selamat,  
 4. Nur Alifian Jumaen, 5. Shakir Juanda,  
 6. Nurul Suhaila Saiful, 7. Nurshahrin Shahrudin.

**Nurul Suhaila  
 Mohamed Saiful (Kelas C)**  
 1. Menang 3-0 (Terengganu)  
 2. Menang 3-0 (Terengganu)  
 3. Menang 3-0 (Pahang)  
 4. Menang 2-1 (Selangor)  
 5. Menang 3-0 (Gayong Fatani)

**Muhammad Ridhwan  
 Selamat (Kelas A)**  
 1. Tewas 0-3 (Terengganu)  
 2. Menang 2-1 (Terengganu)  
 3. Tewas 0-3 (Pahang)  
 4. Menang 2-1 (Pahang)  
 5. Tewas 0-3 (Selangor)  
 6. Menang 2-1 (Gayong Fatani)

**Rudi Hermawan Zahri  
 (Kelas C)**  
 1. Menang TKO (Terengganu)

2. Menang 3-0 (Terengganu)  
 3. Menang 3-0 (Pahang)  
 4. Menang TKO (Selangor)  
 5. Menang 3-0 (Gayong Fatani)

**Muhammad  
 Nurshahrin Shahrudin  
 (Kelas D)**  
 1. Tewas 1-2 (Terengganu)  
 2. Menang 2-1 (Pahang)  
 3. Seri 1-1 (Selangor)  
 4. Menang 2-1 (Gayong Fatani)  
 5. Menang 3-0 (Gayong Fatani)

**Sheik Ferdous  
 Sheik Alauddin (Kelas E)**  
 1. Menang 3-0 (Terengganu)  
 2. Tewas 1-2 (Pahang)  
 3. Menang 3-0 (Pahang)

4. Tewas 0-3 (Selangor)  
 5. Menang 2-1 (Gayong Fatani)

**Muhammad Nur Alifian  
 Jumaen (Kelas F)**  
 1. Menang 3-0 (Terengganu)  
 2. Menang TKO (Pahang)  
 3. Menang 2-1 (Selangor)  
 4. Menang 3-0 (Gayong Fatani)

**Muhammad Shakir  
 Juanda (Kelas H)**  
 1. Menang 3-0 (Terengganu)  
 2. Menang 3-0 (Terengganu)  
 3. Menang 3-0 (Pahang)  
 4. Tewas 1-2 (Selangor).

Grafik: KARIM NASIR